

15/06/2004

Isu agama, kebangsaan jangan dipanaskan bara politik

By Tajuddin Saman

SOAL agama sentiasa menjadi isu penting dan sensitif dalam negara pelbagai kaum seperti Malaysia. Oleh itu, segala sesuatu berkaitan dengannya perlu diberikan perhatian mendalam dan ditangani secara cermat seperti menarik benang dalam tepung.

Sesuai pandangan itu, langkah kerajaan seperti diumumkan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Datuk Azmi Khalid, kepada wartawan selepas sidang Dewan Rakyat Isnin lalu, dilihat sebagai cukup padat dan tepat.

"Kerajaan tidak lagi meluluskan pendaftaran parti politik yang menggunakan nama agama bagi mengelak rakyat terkeliru dengan matlamat penubuhannya," katanya.

Bagi mengelakkan kekeliruan sesetengah pihak terhadap langkah yang diambil itu, Azmi secara proaktif menyatakan kerajaan bagaimanapun tidak mengambil tindakan ke atas parti politik yang sudah diluluskan pendaftarannya dan kebetulan mempunyai nama berkaitan agama tertentu.

Memperjelaskan lagi langkah terbaru yang matlamatnya amat murni bagi menjaga kepentingan dan keharmonian rakyat serta negara, beliau berkata kementerianya meluluskan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) berbentuk agama kerana berpendapat kegiatan yang dijalankan adalah sihat dan memanfaatkan masyarakat.

"Bagaimanapun, kalau kita mendapati NGO itu bertindak atas landasan politik secara menyeluruh, kita akan mengambil tindakan tegas kerana NGO tidak sewajarnya mempunyai pembabitian dalam politik," katanya.

Langkah yang lebih tegas ke arah mengawal agama dijadikan modal politik itu cukup penting dilaksanakan di negara majmuk seperti Malaysia. Tanpa kawalan tegas terhadap penggunaan nama agama pada pertubuhan berunsur politik, ia bermakna mendedahkan majoriti rakyat biasa kepada kesan buruk yang tidak pernah mereka rancang atau jangkakan dalam keinginan untuk hidup aman damai dan bahagia di tanah air tercinta ini.

Keharmonian hidup rakyat di negara majmuk memang mudah terusik apabila isu agama dipolitikkan. Sebenarnya dua isu besar dan penting - kebangsaan dan agama - tidak boleh langsung diacah-acah, dipermainkan atau dipanaskan atas bara politik kerana kesan serta padahnya amat buruk kepada masa depan negara.

Peristiwa hitam yang pernah menimpa negara pada Mei 1969 tidak dapat dielakkan apabila dua isu terpenting ini - kebangsaan dan agama - diperjudikan oleh sesetengah pemimpin politik yang menjadi kelabu mata dengan kuasa.

Namun, apakah makna 'kuasa' jika negara hancur lebur dan kehidupan rakyat menjadi porak peranda?

Dua isu terpenting ini - perkauman yang menyentuh soal kebangsaan dan menjadikan agama sebagai modal politik - pasti akan mencetuskan perbalahan dan pergolakan di kalangan rakyat pelbagai kaum di negara mana sekalipun di dunia ini.

Di Malaysia, pemimpin parti pembangkang begitu gemar dan cukup suka bermain dengan dua isu paling sensitif itu. Sehingga minggu lalu, ada pemimpin pembangkang yang terus galak mempertikaikan isu agama dengan bertanya: "Mengapa ketua kerajaan harus orang Islam?"

Siri mempersoalkan negara Islam atau status Bumiputera sebagaimana yang sudah pun dibereskan dan dipersetujui oleh semua pihak dalam kontrak sosial Perlembagaan Negara adalah 'bahan granit' paling sensitif dan mudah dieksploitasi serta diletupkan oleh musuh negara bagi memusnahkan

kestabilan Malaysia pada bila-bila masa.

Justeru, sama ada pemimpin atau pengikut parti yang menubuhkan kerajaan atau pembangkang, kita sepatutnya meletakkan kepentingan negara pada tahap tertinggi dalam kehidupan kita. Janganlah kerana ingin mencari pengaruh dan memiliki kuasa negara dan rakyat dijadikan korban.

Tidak lama dulu, bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohammad, ketika berucap pada Perhimpunan Agung Umno pernah menyatakan bahawa kesan apabila agama dijadikan nama parti politik amat buruk sekali, bukan saja terhadap negara malah kepada agama itu sendiri.

Ini kerana apabila pemimpin atau pengikut yang meletakkan nama agama pada parti mereka itu melakukan kesalahan, ia secara automatik membawa makna serta kesan yang buruk dan negatif kepada agama itu sendiri.

Dalam konteks ini, siapakah di antara pemimpin yang meletakkan nama agama pada parti mereka itu sanggup dan berani memberikan jaminan penuh bahawa diri dan setiap pengikut mereka adalah maksum daripada melakukan sebarang kesalahan serta dosa, sama ada yang kecil atau besar?

Sepanjang riwayat politik di negara ini, kita pernah menyaksikan betapa gelagat parti politik pembangkang, sekalipun yang meletakkan nama agama pada nama parti mereka, tersandung kiri kanan dan pernah melakukan pelbagai kesilapan, sama ada yang besar atau kecil.

Cerita yang terkandung dalam peribahasa baru `cakap tak serupa bikin' sentiasa saja menjadi amalan ahli politik yang memakai selendang agama pada nama parti mereka.

Apabila keadaan ini terjadi, apa dan siapakah yang sebenarnya tidak betul? Agama atau orang yang memakai selendang atau serban agama itu? Inilah permasalahan umat pada masa ini yang perlu dititikberatkan dan ditangani secara baik dan ber hikmah.

Bukan mudah untuk menyelesaikan atau mengatasi masalah penggunaan atau pelabelan nama agama pada parti politik yang sudah lama wujud di negara kita. Ini kerana soal agama begitu sensitif di kalangan hati sanubari rakyat Malaysia.

Menjadi pengetahuan umum dan tabiat turun temurun, orang kita terlalu sensitif kalau seseorang individu atau sesuatu kumpulan disalahkan dengan isu agama. Suatu ayat yang paling dibenci orang Islam misalnya ialah: "Si anu itu makan babi..." atau "dengar khabar anda tidak bersolat..." Perkara ini menjadi pantang larang bagi setiap Muslim, apa lagi kalau ia disebut di khalayak ramai yang membawa makna menjatuhkan air muka seseorang itu.

Penjajah Inggeris memang mengenali tabiat orang kita kerana mereka adalah antara penjajah yang bertahan lama di Malaya. Justeru, pada tangan dan zaman British menjajah Malaya, parti politik berjenama agama diluluskan di tanah air kita.

Ini kerana British tahu dan faham bagaimana taktik dan teknik untuk membakar manusia dan negara yang kini menjadi Malaysia dengan api yang berada dalam diri dan jiwa mereka sendiri.

(END)